

# UNIMAS harus tumpukan kepada bidang IT

SAFRI ALI

KOTA SAMARAHAN, Sabtu — Ketua Menteri, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud berkata, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) harus memfokuskan kepada penekanan dalam bidang Teknologi Maklumat (IT) kerana ia merupakan salah satu ciri penting kehidupan masyarakat pada alaf akan datang.

Oleh itu, katanya, dalam transformasi itu, UNIMAS perlu menyusun kursus-kursus yang lebih mirip kepada bidang IT yang dapat memenuhi tuntutan zaman.

"Apa sahaja pekerjaan pada masa akan datang memerlukan kemahiran dalam bidang IT. Saya tidak menyatakan bidang lain tidak penting. Tetapi... yang paling sukar ialah untuk memperhebatkan bidang IT dalam masyarakat," kata dia.

Beliau berkata demikian

ketika berucap pada majlis taklimat pembangunan kampus tetap UNIMAS dan majlis penyerahan Kolej Pelajar biayaan Kerajaan Negeri Sarawak dekat Kampung Sibayur di sini hari ini. Fasa pertama kampus yang lebih bercirikan sebuah kampus terbuka dan bernilai RM745 juta itu dijangka siap pada awal tahun 2002.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah isteri beliau, Datuk Amar Puan Sri Hajah Laila Taib, Pengurusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohammad Nor serta Residen Bahagian Samarahan, Encik Sarudu Hoklai.

Menurutnya, dengan adanya usaha kerajaan untuk menggalakkan UNIMAS mendalam dalam bidang IT, ia akan dapat memberi galakan khasnya kepada generasi supaya negeri ini dan Malaysia untuk muncul sebagai sebuah negara yang lebih maju lagi.

"Masyarakat tidak dapat

mengenepikan kemajuan yang dialami oleh seluruh dunia ini. Pada masa itu nanti, cara bekerja telah bertukar, kita tidak perlu lagi kerja ke pejabat atau ke kilang dan boleh menjalankannya di rumah," tambahnya.

Dalam pada itu, katanya, lebih banyak universiti akan ditubuhkan di Sarawak untuk mengembangkan lagi pendidikan di negeri ini.

"Ini tidak akan mengurangkan kepentingan UNIMAS untuk memainkan peranannya sebagai pusat ilmu terutamanya kepada penduduk di Kota Samarahan.

"Kita menganggap UNIMAS sebagai satu lambang usaha anak Sarawak untuk memiliki universitinya sendiri," jelasnya.

Sehubungan itu, beliau percaya UNIMAS sebagai sebuah universiti pertama di negeri akan menarik lebih ramai pelajar termasuk dari luar negara untuk menimba ilmu di situ kelak.



JEFRI BAKERI

KETUA MENTERI Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud melawat pameran kampus tetap UNIMAS yang dijangka siap pada awal tahun 2002 dekat Kampung Sibayur, Kota Samarahan hari ini. Beliau diiringi isterinya, Datuk Amar Puan Sri Hajah Laila Taib, Pengurusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohammad Noor (kiri) dan Naib Canselor, Dato' Zawawi Ismail.